



## **UCAPAN**

**YBHG. TAN SRI MOHAMAD ZABIDI ZAINAL  
KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA**

## **SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN PENUTUP  
KONVENSYEN AKRAB KEBANGSAAN KALI KE-4  
TAHUN 2013**

**27 JUN 2013 (KHAMIS), 3.00 PETANG**

**DEWAN SERBAGUNA  
KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera, Salam 1Transformasi dan Salam  
“1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian  
Diutamakan”.**

**Saudara/Saudari pengacara majlis,**

**Yang Berbahagia Dato’ Sri Kamaruddin Siaraf**

**Ketua Setiausaha**

**Kementerian Komunikasi dan Multimedia**

**Yang Berbahagia Dato’ Dr. Sharifah Zarah binti**

**Syed Ahmad**

**Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam**

**(Pembangunan)**

**Yang Berbahagia Dato’ Dr. Ismail bin Alias**

**Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam**

**(Operasi)**

**Dr. Aris bin Kasan**

**Pengarah Bahagian Pengurusan Psikologi, JPA**

**Tuan Hj. Ab. Latif bin Ibrahim**

**Presiden Majlis AKRAB Kebangsaan**

**Pengurus-Pengurus Sumber Manusia**

**Pembimbing-pembimbing Rakan Sebaya**

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati  
sekalian.**

**Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kita  
panjatkan ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan  
limpah rahmat-Nya, kita dapat bersama-sama  
berada di Majlis Perasmian Penutup Konvensyen  
AKRAB Kebangsaan Kali Ke-4 Tahun 2013.**

**2. Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada jawatankuasa penganjur yang telah berusaha keras menganjurkan konvensyen ini setiap tahun sejak tahun 2010 lagi. Usaha murni ini diharapkan dapat menjadi penggerak kepada pelaksanaan Program Transformasi Perkhidmatan Awam.**

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian,**

**3. Dasar Transformasi Negara yang diilhamkan oleh YAB Perdana Menteri, akan meliputi tempoh bermula dari tahun 2011 hingga tahun 2020. Di bawah Dasar Transformasi Negara ini, Kerajaan telah merangka pelbagai program yang dimulakan dengan Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan diikuti pula dengan Program Transformasi Ekonomi**

**(ETP) bagi mencapai visi negara menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi.**

**4. Dasar Transformasi Negara ini bersandarkan gagasan dan falsafah induk negara yakni “1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan” yang menggariskan beberapa prinsip penting, antaranya bersifat inklusif agar semua rakyat Malaysia dapat merasai kesan daripada program-program transformasi negara. Kerajaan juga telah menetapkan arah tuju dan program yang jelas untuk diikuti untuk mencapai Perkhidmatan Awam bertaraf dunia.**

**5. Sekiranya setiap penjawat awam mempunyai minda dan keinginan untuk mencapai kecemerlangan dan mengamalkan budaya mengutamakan pencapaian, hasrat Kerajaan ini pastinya akan tercapai. Walaupun organisasi memiliki aset dan sumber yang banyak tetapi jika**

**modal insan tidak diuruskan dengan baik, maka segala sumber akan menjadi sia-sia, dan cita-cita akan menjadi hampa.**

**6. Justeru itu, penggunaan pendekatan baharu dalam mengurus modal insan seperti penerapan aplikasi psikologi dan pelaksanaan AKRAB merupakan satu langkah yang tepat dalam menjana modal insan secara lebih menyeluruh dan seterusnya menjadi pemangkin kepada kejayaan Program Transformasi Perkhidmatan Awam.**

**7. AKRAB secara konsepnya membawa maksud Amanah, Komitmen, Rasional, Akhlak dan Bestari. Semua ini merupakan ciri-ciri penting yang perlu ada pada seorang rakan pembimbing. Tanpa ciri-ciri tersebut, peranan seseorang dalam menjalankan fungsi rakan pembimbing menjadi janggal dan tidak berkesan. Ciri-ciri tersebut seharusnya sentiasa diamalkan kerana warga**

**organisasi bukan sahaja akan melihat AKRAB sebagai individu yang mempunyai ilmu psikologi dan kaunseling bahkan sebagai role model yang boleh dicontohi.**

**8. Sudah nyata bahawa AKRAB memainkan peranan yang penting dalam membantu pihak Pengurusan membentuk kelompok pekerja yang mempunyai komitmen yang tinggi terhadap tugas dan organisasi. Senario ini penting dalam memastikan pencapaian objektif dan penyampaian perkhidmatan organisasi dipertingkatkan ke tahap yang dikehendaki oleh pihak Pengurusan serta stakeholders.**

**9. Walaupun bilangan ahli AKRAB agak kecil berbanding jumlah keseluruhan penjawat awam, tetapi jika peranan AKRAB dapat dioptimumkan, ia mampu menjadi nadi kepada pelaksanaan transformasi dalam Perkhidmatan Awam. Hasrat**

**ini sangat bertepatan dengan objektif penubuhan AKRAB sendiri iaitu sebagai medium perantaraan untuk memberi dorongan kepada penjawat awam agar dapat berfungsi secara efektif dan cemerlang.**

**10. Saya berpandangan bahawa kini sudah tiba masanya untuk melihat peranan AKRAB dalam perspektif yang lebih besar. AKRAB haruslah mengarusperdanakan peranannya melalui penglibatan secara langsung dalam gerakan transformasi Perkhidmatan Awam. Mengambil kira keupayaannya untuk mempengaruhi persekitaran kerja organisasi sektor awam merangkumi aspek-aspek kritikal seperti persahabatan dan perhubungan kerja, semangat kekitaan, motivasi kerja, kebajikan dan kepentingan warga setiap jabatan, saya percaya AKRAB sudah bersedia untuk memikul tanggungjawab yang lebih besar iaitu sebagai agen prakarsa transformasi sektor awam.**



**11. Sebagai langkah proaktif yang mengiktiraf peranan tersebut, saya telah pun melantik ahli-ahli AKRAB JPA sebagai agen perubahan yang akan bersama-sama berganding bahu melaksanakan agenda Transformasi JPA yang telah kita mulakan. Saya berharap agar ahli-ahli AKRAB di semua Kementerian dan Agensi turut bersedia untuk memainkan peranan yang sama di organisasi masing-masing.**

**Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,**

**12. Saya berharap Majlis AKRAB Kebangsaan akan terus dimanfaatkan sebagai saluran yang berkesan untuk membincang dan menyusun strategi ke arah memperkasakan peranan AKRAB sebagai agen perubahan dalam sektor awam. Peranan konvensional bagi mengeratkan hubungan silaturahim dan memupuk semangat bantu-**

**membantu dalam kalangan warga organisasi telah pun dilaksanakan dengan berkesan. Peranan dan aktiviti AKRAB tidak sepatutnya terbatas atau dihadkan oleh sempadan organisasi, malah harus melangkauinya. Tumpuan perlu diberikan kepada faedah AKRAB yang dapat menyumbang kepada kepentingan umum masyarakat dan negara. Bagi maksud ini, AKRAB harus menentukan pendekatan yang terbaik untuk merealisasikan aspirasi negara di samping memberi fokus kepada usaha-usaha melahirkan sumber tenaga manusia yang kompeten, berketerampilan dan produktif dalam mendokong agenda transformasi negara.**

**13. Majlis AKRAB Kebangsaan boleh turut memperkasakan peranannya melalui kerjasama strategik dan kolaborasi dengan pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan badan-badan yang lain seperti IM4U, Majlis Belia Malaysia, CUEPACS dan sebagainya. Melalui**

**pendekatan kolaboratif dan dimantapkan dengan pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan, saya percaya dan amat yakin Majlis AKRAB Kebangsaan dan semua Pembimbing Rakan Sebaya akan dapat memainkan peranan yang lebih bermakna dan mendatangkan hasil yang benar-benar memberi manfaat kepada kita semua. Seperti kata Benjamin Franklin:**

**“If passion drives you, let reason hold the reins.”**

**(Jika semangat mendorong anda, biar sebab/tujuan memegang kemudinya.)**

**14. Akhir sekali, sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada pihak penganjur iaitu Majlis AKRAB Kebangsaan, Persatuan Pegawai Psikologi Perkhidmatan Awam, Kementerian Komunikasi dan**

**Multimedia Malaysia dan Bahagian Pengurusan Psikologi JPA kerana menganjurkan konvensyen ini.**

**15. Dengan lafaz , saya dengan sukacitanya menutup Konvensyen AKRAB Kebangsaan Kali ke 4 Tahun 2013.**

**Sekian. Wabillahitaufik Walhidayah  
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.  
Terima Kasih.**